

**TEKS UCAPAN**

**YB TUAN ADLY BIN ZAHARI  
TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN**

**UNTUK  
MAJLIS PELANCARAN PROGRAM  
“VETERAN MyWIRA”**

**ISNIN, 22 JANUARI 2023  
SETIA SPICE CONVENTION CENTRE,  
PULAU PINANG**

## **Salutasi**

**Yang Berhormat, Steven Sim Chee Keong**

Menteri Sumber Manusia

**Yang Berusaha, Encik Thomas Mathew**

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Talent Corporation Malaysia Berhad

**Yang Berusaha, Encik Ramamoorthy Ganapathy Iyer**

Naib Presiden Micron Memory Malaysia Sdn. Bhd

Merangkap Ahli Lembaga Talent Corporation Malaysia

**Yang Berusaha, Kapten Mohd Radzi bin Mohd Ali**

Timbalan Pengarah Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera  
(PERHEBAT)

Yang dihormati, Pegawai-pegawai kanan daripada,

Kementerian Pertahanan,

Kementerian Sumber Manusia

Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera

Micron Memory Malaysia Sdn. Bhd.

Yang dihormati, Rejimen Askar Wataniah, Datuk-datuk, datin-datin, rakan-rakan media, tetamu kehormat, hadirin hadirat sekalian.

[SENARAI AKAN DIMUKTAMADKAN]

1. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.
2. Syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita bersama-sama pada hari ini menjayakan sebuah lagi agenda pemerksaan guna tenaga Negara bagi membangunkan Ekonomi Malaysia MADANI.
3. Pertama, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Steven Sim, kerana komited dalam memelihara kelestarian pekerja termasuklah penjawat awam khususnya Angkatan Tentera Malaysia dan Veteran ATM.
4. Saya juga ingin mengambil peluang untuk menzahirkan rasa terima kasih kepada Talent Corporation Malaysia Berhad yang dipimpin oleh Encik Thomas Mathew atas usaha dalam membantu Veteran ATM meningkatkan kualiti kehidupan mereka selepas menamatkan perkhidmatan.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

5. Saya amat berbangga berada di sini untuk bersama-sama menyaksikan peluncuran sebuah inisiatif yang diilhamkan berdasarkan kolaborasi rentas kementerian iaitu antara Kementerian Pertahanan dan Kementerian Sumber Manusia, iaitu **Program Veteran MyWIRA**.
6. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan sebuah program yang berimpak tinggi. Program ini merupakan langkah proaktif Kerajaan Madani dalam menangani cabaran yang dihadapi oleh anggota yang bakal bersara serta warga veteran ATM.

7. Selaku Timbalan Menteri Pertahanan, dimana sebahagian besar mandat yang dipertanggungjawabkan kepada saya adalah untuk menguruskan kebajikan, kesihatan dan sosioekonomi veteran ATM.
8. Setelah setahun menguruskan veteran ATM, kita dapati cabaran yang begitu ketara adalah bagaimana veteran itu akan meneruskan hidup setelah kehilangan sebahagian besar pendapatan mereka, di kala mereka masih mempunyai komitmen hidup yang tinggi.
9. Oleh itu, sebagai langkah awal bagi memastikan bahawa golongan veteran ini mendapat bantuan yang mencukupi serta halatuju kerjaya yang jelas, PERHEBAT dan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV), telah dipertanggungjawabkan untuk meneroka dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mempertingkatkan sosioekonomi veteran ATM.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

10. Bagi menyokong inisiatif kerjaya kedua, Kerajaan telah bersetuju supaya pihak Kementerian dan agensi-agensi, badan-badan berkanun serta **syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) menawarkan peluang pekerjaan kepada Veteran ATM**, bersesuaian dengan pengalaman dan kemahiran mereka semasa dalam perkhidmatan ATM.
11. Bagi meneruskan agenda ini, Kementerian Pertahanan menyokong sepenuhnya usaha Kementerian Sumber Manusia menyediakan platform kerjasama strategik antara PERHEBAT dan Talent Corp. Ini adalah titik permulaan kepada peluang latihan dan kerjaya kedua yang lebih meluas untuk warga Veteran ATM.

12. Langkah ini bertepatan dengan matlamat Kerajaan untuk memastikan setiap pihak mahupun kerajaan dan swasta mengambil tanggungjawab dan peranan masing-masing untuk membela nasib veteran ATM agar mereka dapat meneruskan kehidupan dan menyumbang secara bermakna kepada masyarakat dan negara.
13. Inisiatif ini juga memenuhi visi dan fokus **Yang Berhormat Menteri Pertahanan**, iaitu meneruskan agenda kebajikan dan **pembangunan kapasiti perajurit dan bekas perajurit**. **Kementerian memandang serius akan keperluan untuk** memastikan semua anggota ATM yang menamatkan perkhidmatan akan mempunyai sijil, diploma atau kelulusan yang berkaitan, sebagai persediaan kerjaya kedua mahupun untuk meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi.
14. Sebagai makluman, untuk tempoh 2017 hingga 2023, seramai 4,752 anggota dan veteran ATM telah berjaya menerima Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia di bawah seliaan PERHEBAT. Saya percaya, ketersediaan pasaran tenaga kerja yang berpengalaman, berdisiplin serta mempunyai kelayakan akademik dapat memenuhi keperluan industri tanpa perlu bergantung kepada tenaga kerja luar.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

15. Disini saya ingin menyeru kepada seluruh anggota dan warga Veteran ATM untuk meneroka peluang-peluang pekerjaan yang disediakan melalui kerjasama strategik antara Kerajaan dan swasta, seperti program Veteran: MyWIRA.

16. Bagi pihak Kementerian Pertahanan, sekalung penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Steven Sim serta pihak pengurusan TalentCorp di atas sokongan kepada Veteran ATM, dalam usaha memastikan aspirasi Kerajaan MADANI untuk memelihara kesejahteraan rakyat dapat dicapai.
17. Dikesempatan ini saya juga ingin menzahirkan penghargaan kepada Micron Memory Malaysia atas peluang kerjaya kedua kepada veteran ATM.
18. Saya turut dimaklumkan bahawa program ini tidak mungkin terhasil tanpa kerjasama beberapa pihak yang telah terlibat sejak awal lagi. Untuk itu, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Mantan Panglima 6 Brigid, Brigedier Jeneral Mohd Akib bin Hj Yusof (Bersara), yang merupakan orang pertama yang membawa hasrat murni ini kepada perhatian pihak Micron bagi membantu veteran ATM untuk meningkatkan sosioekonomi mereka.
19. Tidak dilupakan juga, sekalung penghargaan saya ucapkan kepada Panglima 2 Divisyen, Mejar Jeneral Dato' Azhan bin Haji Md Othman dan juga **Brigedier Jeneral Saiful** yang turut memberikan kerjasama erat bagi menjayakan usaha ini terutamanya bagi golongan veteran di kawasan wilayah utara.
20. Akhir kata, saya percaya, dengan kolaborasi seagat, kita mampu mencapai kejayaan dalam memberikan yang terbaik kepada wira-wira negara yang telah berbakti kepada negara.

**Sekian, *Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**TERIMA KASIH**